

JUMAAT, 24 JULAI, 1981

Lawatan ASEAN

CADANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk melawat negara-negara ASEAN mulai dengan Indonesia lepas Hari Raya itu bukan sahaja mengakuri tradisi malah akan memenuhi satu keperluan. Memang sudah menjadi kebiasaan bagi seorang pemimpin baru sesebuah negara ASEAN mengadakan lawatan sedemikian. Pemimpin-pemimpin Thailand mematuhi amalan ini. Begitu juga pemimpin-pemimpin kita. Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn telah melakukan lawatan masing-masing. Lawatan ini telah memberikan peluang kepada Perdana Menteri mempererat hubungan persahabatan dengan pemimpin-pemimpin ASEAN akan juga membolehkan beliau bertukar nota dan fikiran mengenai perkembangan terbaharu di negara masing-masing. Dalam konteks ini walaupun Datuk Seri Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa kepimpinannya akan tetap meneruskan dasar-dasar asas Kerajaan, dalam dan luar negeri, namun masih wujud keperluan untuk beliau membaharui hasrat untuk terus memperbaiki kandungan dan darjah persahabatan sesama ASEAN. Kerjasama antara negara seringkali lebih mudah diperteguh jika wujud hubungan rapat di antara pemimpin-pemimpinnya.

Tidak syak lagi bahawa kejayaan ASEAN hari ini sebagai satu pertubuhan serantau yang berpengaruh dan disegani oleh masyarakat antarabangsa ialah hasil dari wujudnya kerjasama dan persetahaman yang rapat di antara ahli-ahlinya. Eratnya perhubungan ini bukan sahaja jelas dari keupayaannya mencapai dan mempertahankan pendirian yang sama mengenai isu-isu ekonomi dan perniagaan tetapi juga terhadap usaha mencari penyelesaian masalah politik serantau. Ketegasan pendirian ASEAN mengenai masalah Kampuchea ternyata telah mendapat perhatian dan penghargaan dari seluruh masyarakat dunia. Ini terbukti dari sokongan yang telah diberikan oleh anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap cadangan dan pelaksanaan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah ditaja oleh ASEAN. Tetapi jika ASEAN telah mampu memperjuangkan kepentingan serantau di forum-forum antarabangsa ia juga telah mencapai kejayaan yang bukan kecil di segi memperluas dan mempergiat kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial antara negara anggota. Pelaksanaan projek-projek ASEAN yang semakin rancak dan penubuhan Perbadanan Kewangan ASEAN bulan lalu - dua bukti yang nyata - jelas menunjuk kepada kecenderungan untuk bidang dan asas kerjasama serantau ini menjadi bertambah luas dan tegap pada masa hadapan. Dalam konteks kerjasama yang kian meluas dan aspirasi untuk menjalin hubungan yang lebih rapat inilah lawatan Perdana Menteri ini mengambil makna yang besar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia